

AMALAN PENGAJARAN EFEKTIF DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH  
MENENGAH DI NEGERI JOHOR

CHIA LAI LAI

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah  
Doktor Falsafah (Kurikulum dan Pengajaran)

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

JULAI 2015

## **PENGHARGAAN**

Sepanjang perjalanan menyiapkan penyelidikan tesis ini, penghargaan ikhlas dan terima kasih yang tidak terhingga ingin saya ucapkan kepada penyelia saya yang dikasihi, Prof Madya Dr Abdul Rahim Bin Hamdan atas segala tunjukajar, bimbingan, dedikasi serta dorongan yang sentiasa beliau berikan tanpa jemu sepanjang tempoh masa ini. Tanpa tunjukajar dan sokongan yang berterusan daripada beliau, tesis ini tidak mungkin terjadi seperti yang dihasilkan ini. Terima kasih, Prof !

Penghargaan dan jutaan terima kasih juga ingin saya sampaikan kepada Yang Dihormati Dr Ahmad Johari Bin Sihes, Prof Madya Dr Mohd Hasani Bin Dali, Prof Dr Mohd Najib Bin Abdul Ghaffar, Prof Dr Zaitun Binti Hj Sidin serta Prof Madya Dr Yeo Kee Jiar atas tunjukajar dan sokongan yang diberikan dalam bidang kurikulum dan pengajaran serta ketika pembentangan proposal dan *viva voce* diadakan.

Terima kasih juga ingin saya rakamkan kepada para guru yang terlibat dalam penyelidikan ini atas kesudian, kerjasama dan komitmen yang diberikan. Penghargaan tinggi juga ingin saya tujukan kepada Bahagian EPRD, JPNJ dan para pengetua kerana mengizinkan penyelidikan ini dijalankan.

Penghargaan dan terima kasih turut ingin saya sampaikan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan KPM dan Universiti Teknologi Malaysia kerana memberikan peluang dan panduan kepada saya untuk memulakan serta menjayakan perjuangan ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih ingin ditujukan kepada keluarga saya yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan, rakan-rakan yang disayangi. Semoga kalian sentiasa sihat dan memperoleh rahmat serta diberkati Tuhan.

## **DEDIKASI**

Dedikasi yang tidak terhingga kepada :

Arwah ayah Chia Chin Guan dan ibu Chong Chan Yin yang tercinta  
atas doa dan jasa mendidik anakmu;

Suami Augustine, aunties, kakak dan adik serta rakan-rakan  
yang sentiasa memberikan sokongan dan dorongan;

Penyelia serta para pensyarah Fakulti Pendidikan UTM  
atas segala tunjukajar, ilmu dan bimbingan bernas yang dicurahkan

## ABSTRAK

Pengajaran kelihatan sebagai satu tugas yang senang tetapi sebenarnya adalah kompleks. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menjelaskan hanya 50% pengajaran guru adalah efektif. Kajian deskriptif ini bertujuan untuk menentukan faktor yang mempengaruhi pengajaran efektif serta halangan di luar kawalan guru dan seterusnya mencadangkan pembangunan profesional dalam peningkatan amalan pengajaran efektif guru. Kajian ini menggunakan kaedah gabungan yang berbentuk pendekatan pacakan (*embedded*) di mana kaedah kuantitatif melibatkan tiga faktor, iaitu prestasi sekolah, pengalaman mengajar dan kehadiran kursus. Kaedah kualitatif pula mengesan halangan di luar kawalan guru dan cadangan pembangunan profesional. Data dikumpul melalui kombinasi soal selidik berstruktur (kuantitatif) dan separa berstruktur (kualitatif). Persampelan rawak berstrata digunakan dengan melibatkan 322 orang responden guru dari 5 buah sekolah ranking teratas dan 5 buah sekolah ranking terbawah dalam sekolah menengah harian biasa di negeri Johor. Data kuantitatif dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif, ujian t, MANOVA, korelasi dan regresi pelbagai manakala data kualitatif dianalisis secara manual. Dapatan analisis kuantitatif menunjukkan pengajaran efektif guru mempunyai min yang sederhana tinggi. Terdapat perbezaan yang signifikan antara latar belakang guru (prestasi sekolah, pengalaman mengajar dan kehadiran kursus) dalam amalan pengajaran efektif. Terdapat juga hubungan signifikan antara latar belakang guru dan amalan pengajaran efektif. Kehadiran kursus memberi sumbangan signifikan paling tinggi terhadap varians amalan pengajaran efektif, diikuti oleh pengalaman mengajar dan prestasi sekolah. Analisis dapatan kualitatif memperoleh enam tema utama sebagai halangan di luar kawalan guru. Antaranya meliputi aspek pelajar, pentadbir atasan, ibu bapa, beban guru, kemudahan sekolah serta pengaruh. Bagi pembangunan profesional, lima tema yang diperoleh meliputi cadangan berunsurkan mentoring, pengajaran, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), minda dan interaksi sosial. Berdasarkan dapatan kajian, satu kerangka model amalan pengajaran efektif serta borang penilaian sendiri guru sekolah menengah dapat dihasilkan untuk memperluaskan pandangan warga pendidikan terhadap pengajaran efektif guru.

## ABSTRACT

Teaching seems to be simple but in reality, it is a complicated task. In the Malaysian Educational Development Blueprint for 2013-2015, it is stated that only 50% of the teaching has been delivered effectively. This descriptive research aims to determine the influencing factors and barriers that are beyond teacher control in effective teaching, as well as suggestions of professional development for effective teaching. This research used an embedded mixed methodology where the quantitative method included three factors, namely school performance, teaching experience and professional development course attendance. In the qualitative method, the barrier beyond teacher control and suggestions of professional development were investigated. Data were collected through a combination of structured questionnaire (quantitative) and semi structured questionnaire (qualitative). Stratified random sampling was used to select 322 teachers from the top 5 and bottom 5 daily secondary schools in Johor. Quantitative data were analyzed using descriptive statistics, t-test, MANOVA, correlation and Multiple Regression whereas qualitative data were analyzed manually. Quantitative findings indicated that effective teaching has an intermediate high mean range. There were significant differences between teacher background (school performance, teaching experience and professional development course attendance) in effective teaching practice. There was a significant relationship between teachers' background and effective teaching. The professional development course attendance significantly contributed the most towards the variance of effective teaching practice, followed by teaching experience and school performance. Analysis of the qualitative findings revealed six main themes as barriers that were beyond teachers' control. These included aspects of students, top administrator, parents, teachers' burden, school facilities and influences. For professional development, five themes emerged include suggestions for mentoring, teaching, Information and Communication Technology (ICT), mind and social interaction. Based on the findings of this study, a model framework and secondary school teacher effective teaching practice self-evaluation form have been proposed for the teaching community to broaden their views on effective teaching.

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iii
	<b>DEDIKASI</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xvii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xix
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xxi
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	9
	1.4 Objektif Kajian	13
	1.5 Soalan Kajian	13
	1.6 Hipotesis Kajian	14
	1.7 Rasional Kajian	17
	1.8 Kepentingan Kajian	19
	1.9 Kerangka Teori Dan Kerangka Konsep Kajian	20
	1.10 Batasan Kajian	24
	1.11 Definisi Operasional	25
	1.11.1 'Framework for Teaching'	25

1.11.2	Konstruk	26
1.11.2.1	Konstruk Perancangan Pengajaran	26
1.11.2.2	Konstruk Pengurusan Kelas	26
1.11.2.3	Konstruk Strategi Pengajaran	27
1.11.2.4	Konstruk Atribut Guru	27
1.11.2.5	Konstruk Tanggungjawab Profesional	27
1.11.3	Amalan Pengajaran Efektif	27
1.11.4	Guru Sekolah Menengah Di Negeri Johor	28
1.11.5	Prestasi Sekolah	28
1.11.6	Skor Komposit	28
1.11.7	Pengalaman Mengajar	30
1.11.8	Kehadiran Kursus	30
1.11.9	Kesedaran Guru	30
1.11.10	Guru Berpengalaman	30
1.11.11	Guru Baharu	31
1.11.12	Halangan Di Luar Kawalan	31
1.11.13	Pembangunan Profesional	31
1.12	Penutup	31
<b>2</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	<b>33</b>
2.1	Pendahuluan	33
2.2	Guru dan Pengajaran Efektif	33
2.3	Model Charlotte Danielson (2007) dan Model James H.Stronge (2007)	36
2.4	Lima Konstruk Utama Amalan Pengajaran Efektif Dari Gabungan Model Charlotte Danielson Dan Model James H. Stronge	38
2.4.1	Konstruk Pertama: Perancangan Pengajaran	38
2.4.2	Konstruk Kedua: Pengurusan Kelas	43

2.4.3	Konstruk Ketiga: Strategi Pengajaran	46
2.4.4	Konstruk Keempat: Atribut Guru	51
2.4.5	Konstruk Kelima: Tanggungjawab Profesional	54
2.5	Model Pengajaran Dan Model Pengajaran Efektif Yang Lain	60
2.5.1	Model Madeline Hunter (1982)	60
2.5.2	Model Robert E. Slavin (1994)	63
2.6	Faktor Mempengaruhi Amalan Pengajaran Efektif	65
2.6.1	Prestasi Sekolah	65
2.6.2	Pengalaman Mengajar Guru	67
2.6.3	Kehadiran Kursus	69
2.7	Halangan Di Luar Kawalan Guru	70
2.7.1	Status Sosioekonomi	70
2.7.2	Saiz Kelas	72
2.7.3	Disiplin Pelajar	72
2.8	Pembangunan Profesional	73
2.8.1	Program ‘Mentoring’	74
2.8.2	Penggunaan ICT Dalam Pengajaran	77
2.8.3	<i>Brain-Based</i> Dalam Pengajaran	79
2.9	Penutup	82
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>83</b>
3.1	Pengenalan	83
3.2	Reka Bentuk Kajian	84
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	87
3.4	Instrumen Kajian	92
3.4.1	Bahagian A (Latar Belakang Guru)	92
3.4.2	Bahagian B (Amalan Pengajaran Efektif: Soal Selidik Berstruktur)	94
3.4.3	Bahagian C (Amalan Pengajaran Efektif: Soal Selidik Separa Berstruktur)	97
3.5	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	99



3.6	Kajian Rintis	102
3.7	Analisis Data	105
3.7.1	Analisis Data Kuantitatif	106
3.7.1.1	Penerokaan Data ( <i>Data Screening</i> )	106
3.7.1.2	Analisis Deskriptif	107
3.7.1.3	Analisis Inferensi	108
	a) Analisis Ujian t	108
	b) Analisis MANOVA	109
	c) Analisis Korelasi	109
	d) Analisis Regresi Pelbagai	110
3.7.2	Analisis Data Kualitatif	111
3.7.2.1	Organisasi Data	112
3.7.2.2	Pelaziman Data	113
3.7.2.3	Pengekodan Dan Kategori Data	113
3.7.2.4	Pembentukan Tema	114
3.8	Kerangka Operasional Kajian	115
3.9	Prosedur Pengumpulan Data	116
3.10	Carta Gantt Proses Penyempurnaan Kajian	117
3.11	Penutup	118
<b>4</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>119</b>
4.1	Pengenalan	119
4.2	Analisis Model Pengukuran Rasch: Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	120
4.3	Penerokaan Data ( <i>Data Screening</i> )	128
4.3.1	Lineariti Data	128
4.3.2	Normaliti Data	132
4.3.3	Pengesanan Data Terpencil ( <i>Outliers</i> )	138
4.3.4	Pengesanan Multikolineariti	139
4.4	Analisis Deskriptif Bahagian Kuantitatif Kajian	139
4.4.1	Demografi Responden	140
4.4.2	Pengajaran Efektif Guru	142
4.5	Analisis Inferensi Bahagian Kuantitatif Kajian	157

4.5.1	Perbezaan Dalam Pengajaran Efektif Guru	157
4.5.2	Hubungan Antara Latar Belakang Dan Amalan Pengajaran Efektif Guru	170
4.5.3	Analisis Regresi Pelbagai	173
4.5.3.1	Analisis Regresi Pelbagai Perancangan Pengajaran	173
4.5.3.2	Analisis Regresi Pelbagai Pengurusan Kelas	177
4.5.3.3	Analisis Regresi Pelbagai Strategi Pengajaran	180
4.5.3.4	Analisis Regresi Pelbagai Atribut Guru	184
4.5.3.5	Analisis Regresi Pelbagai Tanggungjawab Profesional	187
4.5.3.6	Analisis Regresi Pelbagai Amalan Pengajaran Efektif Guru	190
4.6	Analisis Data Bahagian Kualitatif Kajian	194
4.6.1	Halangan Di Luar Kawalan Guru	195
4.6.1.1	Tema I: Aspek Pelajar	195
4.6.1.2	Tema II: Aspek Pentadbir Atasan	198
4.6.1.3	Tema III: Aspek Beban Guru	201
4.6.1.4	Tema IV: Aspek Ibubapa/Keluarga	203
4.6.1.5	Tema V: Aspek Kemudahan Sekolah	205
4.6.1.6	Tema VI: Aspek Pengaruh	206
4.6.2	Cadangan Pembangunan Profesional Guru	208
4.6.2.1	Tema I: Berunsurkan ICT	208
4.6.2.2	Tema II: Berunsurkan Pengajaran	210
4.6.2.3	Tema III: Berunsurkan Minda	212
4.6.2.4	Tema IV: Berunsurkan Mentoring	215
4.6.2.5	Tema V: Berunsurkan Interaksi Sosial	216
4.7	Penutup	219

<b>5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	<b>220</b>
5.1	Pengenalan	220
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	220
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	222
5.3.1	Latar Belakang Responden	222
5.3.2	Amalan Pengajaran Efektif Guru	223
5.3.3	Pengaruh Latar Belakang Terhadap Pengajaran Efektif Guru	226
5.3.4	Hubungan Antara Latar Belakang Dengan Pengajaran Efektif Guru	229
5.3.5	Sumbangan Faktor-Faktor Latar Belakang Terhadap Pengajaran Efektif Guru	230
5.3.6	Halangan Di Luar Kawalan Guru Dalam Pengajaran Efektif	233
5.3.7	Pembangunan Profesional Guru Dalam Pengajaran Efektif	236
5.4	Pembentukan Kerangka Model Amalan Pengajaran Efektif Guru Dan Borang Penilaian Kendiri Guru	241
5.5	Implikasi Kajian	247
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	251
5.7	Penutup	252
	<b>RUJUKAN</b>	<b>254</b>
	LAMPIRAN A – I	267 - 290

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Penetapan Band Sekolah Menengah Berdasarkan Skor Komposit SKPM	5
1.2	Bilangan Sekolah Menengah Mengikut Band Di Negeri Johor	10
1.3	Keputusan SPM Dan PMR Negeri Johor Tahun 2007 Hingga 2011	11
1.4	Agihan Peratusan Nilai Pemberat Skor Komposit	29
3.1	Skor Komposit Sepuluh Buah Sekolah Negeri Johor (Ranking Teratas dan Terbawah) Tahun 2012	88
3.2	Bilangan Guru Tingkatan 1 Hingga Tingkatan 5 Sepuluh Buah Sekolah (Ranking Teratas dan Terbawah) Negeri Johor Tahun 2012	89
3.3	Bilangan Saiz Sampel Guru Bagi Sepuluh Buah Sekolah (Ranking Teratas dan Terbawah) Negeri Johor Tahun 2012	91
3.4	Bilangan Sampel Mengikut Prestasi Sekolah Dan Pengalaman Mengajar	91
3.5	Maklumat Latar Belakang Guru	93
3.6	Taburan Item Komponen Amalan Pengajaran Efektif	95
3.7	Ruangan Asal Cadangan Pembangunan Profesional Guru	98
3.8	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Kajian Rintis	101
3.9	Interpretasi Tahap Min (Nunnally, 1978)	108
3.10	Interpretasi Nilai Pekali Kolerasi (Chua Yan Piaw, 2006)	110
4.1	Analisis Dimensionaliti (keseluruhan instrumen)	121
4.2	Analisis Dimensionaliti (Konstruk 1: Perancangan pengajaran)	122

4.3	Analisis Dimensionaliti (Konstruk 2: Pengurusan kelas)	122
4.4	Analisis Dimensionaliti (Konstruk 3: Strategi pengajaran)	122
4.5	Analisis Dimensionaliti (Konstruk 4: Atribut guru)	122
4.6	Analisis Dimensionaliti (Konstruk 5: Tanggungjawab profesional)	123
4.7	Kebolehpercayaan item (keseluruhan instrumen)	123
4.8	Kebolehpercayaan individu (keseluruhan instrumen)	124
4.9	Kebolehpercayaan item (Konstruk 1: Perancangan pengajaran)	125
4.10	Kebolehpercayaan item (Konstruk 2: Pengurusan kelas)	125
4.11	Kebolehpercayaan item (Konstruk 3: Strategi pengajaran)	125
4.12	Kebolehpercayaan item (Konstruk 4: Atribut guru)	125
4.13	Kebolehpercayaan item (Konstruk 5: Tanggungjawab professional)	126
4.14	Kebolehpercayaan individu (Konstruk 1: Perancangan pengajaran)	126
4.15	Kebolehpercayaan individu (Konstruk 2: Pengurusan kelas)	127
4.16	Kebolehpercayaan individu (Konstruk 3: Strategi pengajaran)	127
4.17	Kebolehpercayaan individu (Konstruk 4: Atribut guru)	127
4.18	Kebolehpercayaan item (Konstruk 4: Tanggungjawab professional)	127
4.19	Jarak Statistic Cook Dalam Amalan Pengajaran Efektif	138
4.20	Statistik Multikolinearliti Pembolehubah Bebas	139
4.21	Demografi Responden Guru Sekolah Menengah Kajian	141
4.22	Min Konstruk Dan Komponen Amalan Pengajaran Efektif Responden Secara Keseluruhan	142
4.23	Min Konstruk Dan Komponen Amalan Pengajaran Efektif Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar	146
4.24	Min Konstruk Dan Komponen Amalan Pengajaran Efektif Responden Berdasarkan Kehadiran Kursus	151

4.25	Min Konstruk Dan Komponen Amalan Pengajaran Efektif Responden Berdasarkan Prestasi Sekolah	154
4.26	Analisis Ujian t Amalan Pengajaran Efektif Berdasarkan Prestasi Sekolah	160
4.27	Ujian Susulan ANOVA Amalan Pengajaran Efektif Berdasarkan Pengalaman Mengajar	162
4.28	Perbezaan Antara Kategori Pengalaman Mengajar Dalam Perancangan Pengajaran, Strategi Pengajaran Dan Tanggungjawab Profesional	163
4.29	Perbezaan Antara Kategori Pengalaman Mengajar Dalam Pengurusan Kelas Dan Atribut Guru	164
4.30	Ujian Susulan ANOVA Amalan Pengajaran Efektif Berdasarkan Kehadiran Kursus	166
4.31	Perbezaan Antara Kategori Kehadiran Kursus Dalam Perancangan Pengajaran Dan Strategi Pengajaran	168
4.32	Perbezaan Antara Kategori Kehadiran Kursus Dalam Pengurusan Kelas	168
4.33	Perbezaan Antara Kategori Kehadiran Kursus Dalam Atribut Guru	169
4.34	Perbezaan Antara Kategori Kehadiran Kursus Dalam Tanggungjawab Profesional	169
4.35	Analisis Pekali Korelasi Komponen Latar Belakang Guru Dengan Amalan Pengajaran Efektif	170
4.36	Analisis Regresi Pelbagai <i>Stepwise</i> Bagi Pembolehubah Peramal Yang Menyumbang Pada Perancangan Pengajaran	173
4.37	Analisis Varians Model Regresi Perancangan Pengajaran	174
4.38	Analisis Regresi Pelbagai <i>Stepwise</i> Bagi Pembolehubah Peramal Yang Menyumbang Pada Pengurusan Kelas	177
4.39	Analisis Varians Model Regresi Pengurusan Kelas	177
4.40	Analisis Regresi Pelbagai <i>Stepwise</i> Bagi Pembolehubah Peramal Yang Menyumbang Pada Strategi Pengajaran	181
4.41	Analisis Varians Model Regresi Strategi Pengajaran	181

4.42	Analisis Regresi Pelbagai <i>Stepwise</i> Bagi Pembolehubah Peramal Yang Menyumbang Pada Atribut Guru	184
4.43	Analisis Varians Model Regresi Atribut Guru	184
4.44	Analisis Regresi Pelbagai <i>Stepwise</i> Bagi Pembolehubah Peramal Yang Menyumbang Pada Tanggungjawab Profesional	187
4.45	Analisis Varians Model Regresi Tanggungjawab Profesional	188
4.46	Analisis Regresi Pelbagai <i>Stepwise</i> Bagi Pembolehubah Peramal Yang Menyumbang Pada Amalan Pengajaran Efektif Guru	191
4.47	Analisis Varians Model Regresi Amalan Pengajaran Efektif Guru	192
4.48	Frekuensi Tema Dalam Aspek Pelajar	198
4.49	Frekuensi Tema Dalam Aspek Pentadbir Atasan	200
4.50	Frekuensi Tema Dalam Aspek Beban Guru	203
4.51	Frekuensi Tema Dalam Aspek Ibubapa/Keluarga	205
4.52	Frekuensi Tema Dalam Aspek Kemudahan Sekolah	206
4.53	Frekuensi Tema Dalam Cadangan Pembangunan Profesional Berunsurkan ICT	210
4.54	Frekuensi Tema Dalam Cadangan Pembangunan Profesional Berunsurkan Pengajaran	212
4.55	Frekuensi Tema Dalam Cadangan Pembangunan Profesional Berunsurkan Minda	215
4.56	Frekuensi Tema Dalam Cadangan Pembangunan Profesional Berunsurkan Mentoring	216

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Kajian	21
1.2	Kerangka Konsep Kajian	23
3.1	Pendekatan Pacakan ( <i>Embedded</i> )	85
3.2	Peringkat Utama Analisis Data Kualitatif	112
4.1	P-P Plot Lineariti Data Perancangan Pengajaran	129
4.2	P-P Plot Lineariti Data Pengurusan Kelas	130
4.3	P-P Plot Lineariti Data Strategi Pengajaran	130
4.4	P-P Plot Lineariti Data Atribut Guru	131
4.5	P-P Plot Lineariti Data Tanggungjawab Profesional	131
4.6	Scatterplots Perancangan Pengajaran, Pengurusan Kelas, Strategi Pengajaran, Atribut Guru Dan Tanggungjawab Profesional	132
4.7	Histogram Bagi Perancangan Pengajaran	133
4.8	Histogram Bagi Pengurusan Kelas	133
4.9	Histogram Bagi Strategi Pengajaran	134
4.10	Histogram Bagi Atribut Guru	134
4.11	Histogram Bagi Tanggungjawab Profesional	135
4.12	<i>Box-and-Whisker Plot</i> Bagi Perancangan Pengajaran	135
4.13	<i>Box-and-Whisker Plot</i> Bagi Pengurusan Kelas	136
4.14	<i>Box-and-Whisker Plot</i> Bagi Strategi Pengajaran	136
4.15	<i>Box-and-Whisker Plot</i> Bagi Atribut Guru	137
4.16	<i>Box-and-Whisker Plot</i> Bagi Tanggungjawab Profesional	137



4.17	Peta Minda Halangan Di Luar Kawalan Guru	207
4.18	Peta Minda Cadangan Pembangunan Profesional	218
5.1	Kerangka Model Amalan Pengajaran Efektif Guru	243
5.2	Borang Penilaian Kendiri Guru	244

## SENARAI SINGKATAN

ABM	-	Alat Bantu Mengajar
DPLI	-	Diploma Perguruan Lepas Ijazah
EPRD	-	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
GPS	-	Gred Purata Sekolah
HEM	-	Hal Ehwal Murid
ICT	-	<i>Information Communication technology</i>
IPG	-	Institusi Pendidikan Guru
IPTA	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
JPNJ	-	Jabatan Pelajaran Negeri Johor
KPLI	-	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSSR	-	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KSSM	-	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
NKRA	-	Bidang Keberhasilan Utama Nasional
PIPP	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
PdP	-	Pembelajaran dan Pengajaran
P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah
PPGB	-	Program Pembangunan Guru Baharu
PPPM	-	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPSMI	-	Pengajaran dan Pembelajaran Sains Matematik dalam Bahasa Inggeris
PT3	-	Pentaksiran Tingkatan Tiga
SKPM	-	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia

- SPM - Sijil Pelajaran Malaysia
- SSM - Sistem Saraan Malaysia

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Lima Konstruk Utama Amalan Pengajaran Efektif	267
B	Soal Selidik Kajian Amalan Pengajaran Efektif Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah	269
C	Pengesahan Instrumen Kajian	279
D	Pengesahan Pelaksanaan 'Member Checking'	283
E	Pengesahan Penglibatan 'Cross Checking'	284
F	Pengesahan Dalam Menjawab Soal Selidik Kajian Awal	285
G	Q-Q Plot Amalan Pengajaran Efektif	286
H	Analisis Kesamaan Varians ( <i>Homoscedasticity of Variance</i> ) Amalan Pengajaran Efektif	287
I	Pengesahan 'Cross Checking' Dalam Dapatan Soal Selidik Kajian	290

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Pengajaran merupakan satu tugas yang nampaknya senang tetapi sebenarnya adalah kompleks. Shulman (2004) menyatakan bahawa pengajaran guru dalam kelas diandaikan berada dalam bilik kecemasan ketika bencana semulajadi berlaku. Namun, seseorang guru mampu mengubah nasib dan masa depan seseorang pelajar melalui pengajaran efektif. Amalan pengajaran efektif merupakan satu set kompleks yang meliputi ilmu, keupayaan dan atribut personel yang dinamik. Amalan ini juga melibatkan refleksi dan pembangunan profesional yang berterusan serta tanggungjawab profesional guru yang perlu dititikberatkan dalam melaksanakan pengajaran efektif guru (Davey, 1991; Harris, A., 1998; Danielson, 2007; Stronge, 2007). Ini bermaksud pengajaran efektif bukan setakat satu perjuangan yang dapat menyampaikan ilmu, kemahiran dan nilai pada pelajar, namun juga dapat menyentuh hati dan jiwa dalam hidup seseorang pelajar (Chia & Abdul Rahim, 2012). Justeru, pengajaran yang efektif membawa maksud yang amat bermakna dalam hidup seseorang guru dan juga dunia pendidikan. Menurut Hanushek, Kain & Rivkin (2004), guru sentiasa merupakan orang yang berada di garis hadapan untuk mengubah sosio-budaya dan pencapaian sekolah melalui tindakan profesionalnya. Oleh itu, pengajaran yang efektif amat penting untuk disebarkan melalui guru yang bertindak sebagai agen pendidikan yang diamanahkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Keadaan ini disebabkan guru mempunyai pengaruh yang amat besar serta secara langsung terhadap pelajar. Ia boleh ditinjau dari aspek apa yang pelajar belajar, berapa yang mereka belajar serta bagaimana mereka belajar dan berinteraksi dengan dunia sekeliling mereka. Menurut Fullan dan Hargreaves (1992), perubahan dalam pendidikan banyak bergantung pada apa yang guru lakukan serta fikirkan. Hujah ini sekali lagi mengukuhkan bahawa adalah penting untuk meninjau amalan guru dalam pengajaran efektif dan seterusnya menghasilkan impak yang positif pada hidup pelajar dalam pembentukan modal insan yang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan aspirasi negara.

Dengan itu, pasukan guru boleh dikatakan menyandang tanggungjawab yang amat berat dan penuh dengan harapan untuk melahirkan generasi yang berkualiti. Di Amerika Syarikat, projek di bawah *Bill and Melinda Gates Foundation* tahun 2009 terhadap pengajaran efektif telah dimulakan berasaskan pertanyaan Bill Gates berkenaan “*How do you make education better ?*” Jawapan yang terus diberikan oleh Bill Gates ialah “*Great teachers make great school*”. Peranan seseorang guru amat penting dalam membentuk anak bangsa yang berpotensi menjadi pemimpin negara pada masa depan. Kesemua ini dimulakan dengan penguasaan ilmu dan kemahiran yang diperoleh daripada pengajaran efektif seseorang guru. Dengan itu, negara dapat melahirkan modal insan yang berkualiti serta berdaya saing antarabangsa. Kenyataan ini juga disokong oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato Sri Mohd Najib Bin Tun Razak yang berpendapat bahawa pendidikan berkualiti dapat mengubah nasib sesebuah negara (Sin Chew Jit Poh, 6 Julai 2012). Seterusnya, Dialog Nasional Pendidikan Negara turut diadakan bermula dari April 2012 sehingga Ogos 2012 di limabelas lokasi seluruh Malaysia untuk memperoleh pendapat segenap lapisan masyarakat dalam penyediaan *Blueprint* pendidikan dan *roadmap* pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia pada Disember 2012 (KPM, 2012b) sehingga termaktubnya Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (KPM, 2013).

Di samping itu, kepentingan guru dalam pengajaran efektif diutamakan di Finland, Ontario (Kanada) dan Singapura yang dikatakan sebagai negara yang mempunyai sistem pendidikan yang terkemuka di dunia. Tenaga guru di negara-

negara tersebut adalah terpilih untuk mengajar serta didedahkan kepada program pembangunan profesional yang banyak untuk memperkasa lagi amalan pengajaran efektif mereka. Mulai tahun 1979, adalah diusahakan supaya semua guru di Finland (termasuk guru sekolah rendah) mempunyai kelayakan ijazah sarjana untuk mengajar (Darling Hammond, 2011). Selain itu, Finland dan Singapura telah mula menghadkan serta menapis calon yang memohon masuk ke bidang perguruan demi mendapat calon yang paling berkualiti untuk menjadi guru (Stewart, 2010).

Di Malaysia pula, guru yang mengajar di sekolah menengah majoritinya adalah graduan dari universiti yang berkelulusan ikhtisas pendidikan mahupun yang berjaya mengikuti Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) di 27 buah Institut Pendidikan Guru Malaysia atau Diploma Perguruan Lepas Ijazah (DPLI). Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) tahun 2006-2010, kerajaan Malaysia juga telah sekali lagi menitikberatkan aspek memartabatkan profesion keguruan untuk melahirkan modal insan yang seimbang demi negara (KPM, 2006). Seterusnya, mulai tahun 2008 satu syarat yang lebih ketat telah ditetapkan, iaitu ujian atitud yang khas diadakan untuk menapis mereka yang betul-betul memiliki atribut tersebut untuk menjadi guru yang berpotensi. Setiap tahun terdapat lebih daripada 175,000 orang yang memohon untuk masuk ke bidang perguruan, namun hanya seramai lebih kurang 20,000 orang sahaja calon yang berjaya dipilih dalam profesion ini (Malaysia, 2010). Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang dikemukakan, kerajaan akan mengetatkan syarat lagi dengan hanya akan mengambil 30% sahaja graduan terbaik dalam negara untuk menceburi dalam bidang perguruan (KPM, 2013). Ini sekali lagi jelas menunjukkan komitmen kerajaan Malaysia yang begitu tinggi dalam menghasilkan seorang guru yang efektif.

Sementara itu, kerajaan Malaysia dengan kerjasama Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) juga telah membelanjakan RM 120 juta untuk menawarkan 5000 peluang peringkat ijazah sarjana dan 500 lagi peringkat kedoktoran falsafah sebagai peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada penjawat awam termasuk para guru (KKM, 2011). Program pensiswazahan juga ditawarkan kepada para guru yang berkelayakan diploma perguruan untuk melanjutkan pelajaran. Sebanyak 20,000 tempat ditawarkan dengan peruntukan sejumlah RM 80 juta. Ini selaras dengan

matlamat KPM yang mempunyai aspirasi untuk menyediakan semua guru yang mengajar di sekolah rendah turut mempunyai kelayakan ijazah sarjana muda di dunia pendidikan Malaysia. Hasrat kerajaan yang amat mementingkan guru dan pendidikan berkualiti dalam menghasilkan modal insan amat ketara ditunjukkan.

Keadaan ini adalah kerana ilmu dan pengetahuan perguruan yang guru peroleh adalah penting dan sebagai tapak asas untuk mendidik generasi baru yang mempunyai keperluan yang berbeza dalam arus pembangunan jika para guru memanfaatkan ilmu yang telah dipelajari dengan berkesan. Guru akan seronok mengajar dalam kelas serta sentiasa berusaha untuk meningkatkan atau memperkasa kemahiran mengajar supaya semakin efektif. Ini disebabkan mulai saat guru masuk ke kelas, guru perlu bertindak secara perseorangan dengan profesional dalam kelas yang hampir penuh dengan 40 orang pelajar. Inilah perbezaan bidang perguruan dengan bidang profesional yang lain. Oleh itu, guru mesti sentiasa mengaplikasi, merefleksi serta menambahbaik amalan pengajaran mereka sepanjang jangka hayat mengajar.

Dengan itu, Stronge (2007) menyatakan bahawa satu pemahaman yang jelas terhadap apa yang guru laksanakan atau amalkan dalam kelas merupakan langkah pertama untuk menuju ke arah peningkatan pengajaran efektif. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji amalan pengajaran efektif guru di sekolah-sekolah harian biasa negeri Johor. Kajian ini diharapkan dapat memberi informasi dan input untuk meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan mengembangkan lagi profesionalisme guru di negeri Johor khususnya serta Malaysia amnya.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM, 2013) menjelaskan bahawa hanya 50% pengajaran guru pada masa kini yang disampaikan dengan efektif. Antaranya meliputi pengajaran guru adalah pasif dan juga tidak melibatkan pelajar dengan secukupnya. Mata pelajaran yang diajar tidak memfokus



pada pemahaman yang mendalam dan juga tidak memberi tumpuan terhadap kemahiran berfikir aras tinggi (*high order thinking*). Di samping itu, statistik dalam laporan pelan tersebut juga menunjukkan bahawa 60% guru daripada golongan ini akan terus mengajar selama 20 tahun lagi sebelum bersara. Ini bermakna telah tiba masanya untuk para guru dan warga sekolah memandang berat terhadap amalan pengajaran efektif dalam pendidikan Malaysia.

Guru merupakan pasukan peneroka atau peneraju yang amat penting peranannya. Guru perlu sentiasa berusaha di dalam medan yang dinamakan sekolah mahupun di luar sempadan sekolah untuk membentuk, menggilap dan menghasilkan rakyat berpotensi yang berguna serta mampu menyumbangkan tenaga kepada negara pada masa kelak. Selain itu, tiada satu formula tetap yang boleh dihafal oleh guru dalam setiap kelas yang diajar. Maka, amalan pengajaran efektif bukan satu proses yang dapat dilaung-laungkan dengan suara yang tinggi sahaja. Malahan, ia merupakan satu perjuangan yang bukan setakat dapat menyampaikan ilmu, kemahiran dan nilai pada pelajar, ia juga dapat menyentuhi hati dan jiwa dalam hidup seseorang pelajar. Justeru itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah berusaha menyusun prestasi semua sekolah rendah dan menengah di Malaysia mengikut *ranking* dalam bentuk band yang melibatkan pengiraan skor komposit yang melibatkan pengiraan 70% daripada Gred Purata Sekolah (GPS) dan 30% daripada SKPM dalam penentuan band sekolah (Jadual 1.1).

**Jadual 1.1:** Penetapan Band Sekolah Menengah Berdasarkan Skor Komposit SKPM

Band	Skor Komposit
1	90-100
2	80-89
3	70-79
4	60-69
5	50-59
6	40-49
7	< 39

( Sumber: Sektor Jaminan Kualiti JPJ, 2013 ).

Dalam arena pendidikan, guru memang berhasrat tinggi dapat menyumbangkan ilmu dan kemahirannya untuk mengajar pelajar dengan efektif. Namun, terdapat juga keadaan di mana guru diatitkan oleh pentadbir sekolah untuk mengajar matapelajaran yang bukan major atau opsyen utama. Ini amat merugikan guru dan juga sekolah. Keadaan ini adalah kerana seseorang guru tidak dapat mengajar serta mengaitkan dengan efektif ilmu yang tidak difahaminya (Danielson, 2007). Kepentingan ilmu kandungan dan ilmu kandungan pedagogi seseorang guru dalam pendidikan amat ketara. Menurut Shulman (1987), untuk mengadakan pengajaran yang efektif terdapat tiga ilmu profesional yang mesti dikuasai oleh seseorang guru, iaitu ilmu kandungan, ilmu kandungan pedagogi dan ilmu mengenai pelajar. Pendapat ini selaras dengan Abdul Rahim (2007) yang menjelaskan bahawa perancangan pengajaran harus mengkaji segi kandungan dan keserasian kandungan tersebut dengan kebolehan pelajar.

Di samping itu, perancangan untuk menentukan hasil pembelajaran serta bentuk pentaksiran yang sesuai dengan tahap penerimaan pelajar juga amat penting dalam pengajaran efektif seseorang guru. Kajian oleh Rosnidar (2010) dalam matapelajaran Biologi tingkatan empat menunjukkan bahawa ilmu kandungan, ilmu kandungan pedagogi serta ilmu mengenai pelajar pada guru dapat menyumbang tinggi terhadap pemahaman konsep 'Respirasi'. Ketiga-tiga ilmu tersebut amat perlu dimiliki oleh seseorang guru kerana tajuk 'Respirasi' merupakan ilmu paling asas dalam fisiologi dan majoriti pelajar sentiasa membawa miskonsepsi ilmu yang sedia ada pada mereka ke dalam kelas. Justeru, kepentingan ilmu kandungan, ilmu kandungan pedagogi dan ilmu mengenai pelajar jelas kelihatan dalam konteks ini.

Pengurusan kelas merupakan salah satu aspek yang amat dipentingkan dalam pengajaran efektif. Namun, sejak kebelakangan ini isu-isu mengenai pergaduhan antara pelajar mahupun guru-pelajar kerap berlaku dalam kelas (Sin Chew Jit Poh, 15 Januari 2012). Persoalannya ialah bagaimanakah kelas yang dijadikan tempat guru mengajar dan pelajar belajar atau menuntut ilmu telah dijadikan tempat berlakunya masalah disiplin? Di manakah sikap hormat-menghormati dan atmosfera budaya belajar yang sepatutnya ada dalam sesebuah bilik darjah? Adakah keadaan ini

akan bertambah baik jika pengajaran efektif dapat dilaksanakan dalam bilik darjah tersebut? Rohaty (2010) menyatakan bahawa antara faktor yang menyebabkan pelajar tidak suka datang ke sekolah atau berhenti sekolah majoritinya adalah kerana tidak mempunyai hubungan yang baik dengan guru. Mereka tidak faham apa yang diajar oleh guru serta tidak dapat melibatkan diri dalam aktiviti kelas. Maka, prestasi akademik adalah rendah. Kajian ini juga menyatakan bahawa guru lebih sayang pada pelajar yang pandai dan menyebabkan mereka tidak mempunyai perasaan kesepunyaan terhadap pembelajaran. Oleh itu, pengurusan kelas yang harmoni dan mesra boleh dikatakan sebagai pemangkin yang berperanan penting dalam pembelajaran dan pengajaran.

Dari aspek strategi pengajaran pula, komunikasi antara guru dan pelajar merupakan indikator perantaraan yang penting dalam penyampaian mesej dengan tepat dan teratur. Walaupun semua guru telah diberikan latihan perguruan yang profesional, namun masih terdapat juga guru yang tidak dapat menyampaikan pengajaran dengan efektif tidak kira guru yang baru mula mengajar mahupun guru yang telah berpengalaman. Teknik menyoal serta pengubahsuaian kandungan matapelajaran yang diajar masih perlu diperbaiki lagi. Ini disokong melalui kajian oleh Habsah (2006) yang menunjukkan bahawa tahap soalan yang dikemukakan oleh guru adalah agak rendah dan telah membelakangi tujuan KPM yang ingin menghasilkan pelajar yang berfikiran kreatif dan kritis. Ini disebabkan guru hanya berhasrat untuk menyediakan pelajar mencapai satu matlamat jangka pendek sahaja, iaitu lulus dalam peperiksaan SPM. Seterusnya, kenyataan ini dikukuhkan lagi oleh PPPM 2013-2025 yang menjelaskan bahawa pengajaran guru tidak menggalakkan pemikiran beraras tinggi (KPM, 2013). Dengan itu, pembangunan profesional yang relevan perlu dicadangkan atau diadakan untuk membantu serta memantapkan lagi pengajaran para guru tersebut misalnya teknik mengemukakan soalan bercapah untuk menggalakkan pelajar berfikir demi merealisasikan aspirasi negara ke arah mencapai negara maju yang mempunyai tenaga kerja yang berfikiran kritis.

Selain itu, atribut guru yang melibatkan pemberian motivasi harus dipertingkatkan lagi kerana pengajaran efektif bukan sahaja setakat menyampaikan ilmu pengetahuan tetapi juga melibatkan memberi motivasi dalam pengajaran guru

(Jalongo, 2007). Seseorang guru yang mempunyai atribut mulia dapat menyentuh hati pelajar dan secara tidak langsung menggalakkan kelancaran proses pembelajaran dan pengajaran, iaitu bertindak sebagai daya penggerak dalam pengajaran efektif guru (Stronge, 2007). Di samping itu, walaupun bidang perguruan merupakan bidang yang profesional, namun masih lagi terdapat pendidik yang kurang terdedah kepada tanggungjawab profesional guru yang melibatkan refleksi guru, komunikasi dengan keluarga pelajar serta penglibatan diri dalam komuniti profesional. Kesedaran guru terhadap tanggungjawab profesional mereka amat penting (Thuwayba, 2012) walaupun dibebani dengan tugas yang melambak. Kajian yang dijalankan Ong (2010) menjelaskan bahawa hidup guru masa kini dikatakan semakin stres. Ini disebabkan guru telah terlalu dibebani dengan banyak tugas lain di sekolah selain 'workload' pengajaran yang banyak serta perlu menyempurnakan silibus dalam tempoh masa yang ditetapkan untuk membolehkan pelajar menduduki peperiksaan umum. Namun, guru juga perlu sedar akan tanggungjawab profesional dalam amalan pengajaran efektif guru. Guru mesti mengetahui apa yang sebenarnya berlaku, bagaimana dengan proses pengajaran serta apa yang harus dilakukan untuk memantapkan mahupun meningkatkan lagi pengajarannya .

Justeru itu, proses merancang, menyediakan dan mengurus bertindak sebagai landasan dengan membekalkan peluang kepada para guru untuk menunjukkan lebih banyak aktiviti yang bercorak 'hands on' atau praktikal yang amat dititiberatkan dalam pendidikan masa kini. Jenis aktiviti ini amat penting kerana ia akan menggalakkan pemikiran aras tinggi di kalangan pelajar. Amalan perancangan pengajaran ini akan mencerminkan amalan guru ke arah pengajaran berkualiti (Hollins, 2011). Kajian-kajian lepas telah menunjukkan guru yang efektif memahami bagaimana pelajar belajar. Mereka juga bersedia untuk mengajar apa dan bagaimana pelajar perlu diajar (Gitomer, Latham, & Ziomek, 1999; Stronge, 2003).

Pengajaran yang efektif memerlukan guru untuk mengelolaknya. Fullan dan Hargreaves (1992) menyatakan bahawa transformasi pendidikan yang berjaya bergantung pada apa yang guru fikir serta amalkan untuk membuat perubahan sama ada dalam bentuk yang ringkas mahupun yang kompleks. Maka, guru bukan sahaja harus sentiasa merefleksikan perancangan pengajaran, pengurusan kelas dan strategi

pengajaran dalam peningkatan pengajaran efektif guru. Namun, atribut guru dan tanggungjawab profesional juga bertindak sebagai perspektif yang harus dipandang berat untuk menyempurnakan lagi pengajaran efektif dengan mencakupi skop yang lebih komprehensif.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa guru yang efektif dalam pengajaran mempunyai pengaruh pada kejayaan dan pencapaian pelajar (Marzano, Pickering & Pollock, 2001). Namun mengetahui kenyataan ini juga merupakan satu fenomena yang boleh dikatakan dapat merangsangkan mahupun tidak merangsangkan (Pollock, 2007). Ini adalah disebabkan jika seseorang guru adalah efektif, adakah dia tahu kenapa dia dikatakan efektif; sebaliknya, jika seseorang guru tersebut dikatakan tidak efektif, apakah yang harus dilakukan untuk meningkatkan keefektifannya? Dalam pengajaran, guru bukan setakat mengetahui sesuatu ilmu sahaja, namun dia perlu mengaplikasikan atau mengamalkannya dalam kelas yang diajar. Ini dikatakan sebagai 'knowing in action' (Featherston, 2007). Seterusnya, guru perlu belajar secara berterusan untuk memperkasa dan menyempurnakan lagi seni yang kompleks ini. Seseorang guru yang ingin efektif dalam pengajaran akan sentiasa 'belajar untuk mengajar' demi mempertingkatkan lagi seni diperolehinya

Para guru di sekolah juga sentiasa menghadapi satu keadaan yang tidak dapat dielakkan iaitu perlu menghabiskan silibus dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Lazimnya, di sekolah menengah yang akan menghadapi Penilaian Menengah Rendah (PMR), yang kini dinamakan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) atau Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), guru perlu menyempurnakan silibus sebelum bulan Julai pada tahun semasa tersebut. Oleh itu, dalam kesuntukan masa untuk menunaikan amanah yang diberikan serta tugas-tugas lain yang perlu diselesaikan, adakah para guru telah mula atau sudah lama melupakan untuk memperkasa amalan mereka supaya dapat mengajar dengan lebih 'efektif'? Atau kerja rutin mengajar ini telah mula ditenggelami dalam lautan pendidikan yang penuh dengan arus cabaran atau godaan yang lain?

Selain itu, tidak mengira guru yang baru mengajar, guru yang dikatakan berpengalaman selepas beberapa tahun mengajar mahupun guru yang telah lama mengajar dan dikenali sebagai guru veteran, para guru harus sentiasa mengimbas kembali setakat mana status pengajaran mereka selama ini dan adakah mereka telah mengajar dan cuba mengajar dengan efektif seperti yang diharapkan? Tambahan lagi dengan adanya tindakan Kementerian Pelajaran Malaysia yang mengkategorikan prestasi sekolah berdasarkan skor komposit dalam bentuk band 1 hingga band 7 telah mendorong atau mungkin sedikit sebanyak memberikan tekanan lagi kepada guru untuk berusaha dalam pengajaran dan menghasilkan produk yang lebih berkualiti. Ini disebabkan jika guru ingin meningkatkan kualiti sekolah dan pelajar, guru mesti mengubah kualiti pengajarannya ke arah yang lebih efektif. Dengan itu, guru baru layak menepuk dada dan menyatakan ingin mempertingkatkan kualiti pendidikan Malaysia di mata dunia. Begitu juga dengan negeri Johor, band sekolah menengah adalah dikategorikan (Jadual 1.2) untuk mendorong guru dan pentadbir berusaha ke arah yang lebih cemerlang. Namun, masih terdapat sebanyak 113 buah sekolah menengah yang berada pada band 5 di negeri Johor

**Jadual 1.2:** Bilangan Sekolah Menengah Mengikut Band  
Di Negeri Johor

Band	Bilangan Sekolah
1	3
2	17
3	17
4	93
5	113
6	-
7	-
Jumlah	243

( Sumber: Sektor Jaminan Kualiti JPNJ, 2013 ).

Manakala, keputusan peperiksaan umum seperti SPM dan PMR pula merupakan elemen penting yang menyumbang dalam penentuan band sekolah di negeri Johor. Ia ditunjukkan seperti dalam Jadual 1.3.

**Jadual 1.3:** Keputusan SPM dan PMR Negeri Johor Tahun 2007 Hingga 2011

Tahun Peperiksaan	2007	2008	2009	2010	2011
PMR	63.26%	63.32%	63.91%	68.29%	70.71%
SPM	88.49%	88.31%	88.98%	89.03%	89.95%

( Sumber: Sektor Penilaian Peperiksaan JPNJ. 2013 ).

Kajian-kajian lepas banyak menumpu pada penyelidikan terhadap kaedah atau pendekatan untuk meningkatkan prestasi pelajar. Tetapi, masih terdapat jurang untuk mengkaji amalan pengajaran efektif termasuklah dalam dunia pendidikan di Malaysia. Guru merupakan input utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Input ini harus efektif serta berkualiti untuk menjalankan proses sehingga menghasilkan produk yang dinamik. Kajian juga menunjukkan bahawa guru yang mempunyai ilmu kandungan pedagogi dan persediaan merupakan faktor utama dalam kejayaan akademik seseorang pelajar (Wenglinsky, 2002). Namun begitu, amalan profesional guru juga penting dan perlu dilengkapi dengan atribut yang mulia untuk melahirkan guru efektif yang lebih sempurna. Hujah ini disokong oleh Korthagen (2004) yang menyatakan bahawa kompetensi seseorang guru adalah ditentukan oleh kualiti amalan profesional dan juga atribut guru tersebut.

Skop kajian ini memfokus pada amalan pengajaran efektif guru dengan menggabungkan Model Charlotte Danielson (2007) dan Model James H. Stronge (2007) dengan berdasarkan konstruk perancangan pengajaran, pengurusan kelas, strategi pengajaran, atribut guru dan tanggungjawab profesional. Menurut Fielding et

al. (2007), adalah perlu dan penting untuk penyelidik mengkaji pembolehubah yang mempengaruhi pengajaran efektif. Justeru, guru mesti berupaya mendefinisikan pengetahuan dan dapat menggabungkan serta mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam amalan pengajaran harian (Danielson, 2007).

Kajian ini berhasrat untuk menganalisis amalan pengajaran efektif guru di sepuluh buah sekolah dengan ranking teratas dan terbawah berdasarkan skor komposit di negeri Johor. Kajian ini adalah lebih komprehensif kerana bukan sahaja meliputi perancangan pengajaran, pengurusan kelas, strategi pengajaran tetapi juga meliputi atribut guru dan tanggungjawab profesional yang penting dalam amalan pengajaran efektif guru. Maka, kajian ini dimulakan dengan memfokus pada input utama, iaitu guru. Faktor latar belakang guru yang berdasarkan prestasi sekolah, pengalaman mengajar dan kehadiran kursus pembangunan profesional dikaji terhadap pengajaran efektif guru di sekolah-sekolah negeri Johor. Lima konstruk utama iaitu perancangan pengajaran, pengurusan kelas, strategi pengajaran, atribut guru dan tanggungjawab profesional turut dititikberatkan dalam kajian ini untuk mengisi jurang dan menyumbang dalam arena pengajaran di Malaysia.

Selain itu, faktor-faktor lain di luar kawalan guru yang mempengaruhi pengajaran efektif guru di negeri Johor turut dikaji melalui kaedah kualitatif. Ini disebabkan menurut tinjauan literatur yang lepas, terdapat juga halangan-halangan luar yang mungkin mempengaruhi pengajaran efektif seseorang guru, namun masih belum terdapat bukti yang sangat jelas dalam konteks Malaysia. Seterusnya, kajian ini juga berhasrat memperoleh cadangan pembangunan profesional yang diperlukan serta membekalkan ruang dalam merefleksikan pengajaran guru untuk meningkatkan keefektifan guru dalam konteks Malaysia demi bersedia untuk melonjak ke satu tahap yang lebih mantap dan cemerlang. Amalan pengajaran efektif guru penting dalam pendidikan negara yang menuju berasaskan PPPM 2013-2025.



#### **1.4 Objektif Kajian**

Tujuan utama kajian ini ialah untuk menentukan amalan pengajaran efektif guru di sepuluh buah sekolah menengah kebangsaan harian biasa (5 buah sekolah ranking teratas dan 5 buah sekolah ranking terbawah berdasarkan skor komposit) di negeri Johor. Di samping itu, kajian ini juga mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pengajaran efektif dan halangan di luar kawalan guru dalam pengajaran efektif serta seterusnya mencadangkan pembangunan profesional di kalangan guru negeri Johor. Justeru itu, objektif kajian adalah seperti berikut:

- 1 Menentukan pengajaran efektif guru di negeri Johor berdasarkan lima konstruk amalan pengajaran efektif .
- 2 Menentukan perbezaan amalan pengajaran efektif guru di negeri Johor berdasarkan faktor prestasi sekolah, pengalaman mengajar dan kehadiran kursus pembangunan profesional.
- 3 Menentukan hubungan antara prestasi sekolah, pengalaman mengajar, kehadiran kursus pembangunan profesional dan amalan pengajaran efektif guru di negeri Johor.
- 4 Mengenalpasti halangan di luar kawalan guru dalam amalan pengajaran efektif di negeri Johor.
- 5 Mencadangkan pembangunan profesional yang dapat meningkatkan amalan pengajaran efektif guru di negeri Johor.

#### **1.5 Soalan Kajian**

Kajian ini adalah bertujuan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- 1 Bagaimanakah pengajaran efektif guru di negeri Johor berdasarkan lima konstruk amalan pengajaran efektif ?

- 2 Adakah terdapat perbezaan amalan pengajaran efektif guru di negeri Johor berdasarkan faktor prestasi sekolah, pengalaman mengajar dan kehadiran kursus pembangunan profesional?
- 3 Adakah terdapat hubungan antara prestasi sekolah, pengalaman mengajar, kehadiran kursus dan amalan pengajaran efektif guru di negeri Johor?
- 4 Apakah halangan yang di luar kawalan guru dalam amalan pengajaran efektif di negeri Johor?
- 5 Apakah cadangan pembangunan profesional yang dapat meningkatkan amalan pengajaran efektif guru di negeri Johor?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Untuk menjawab soalan kajian 2 dan 3, hipotesis null umum dapat dibentuk seperti yang berikut:

- Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan pengajaran efektif guru di negeri Johor berdasarkan faktor prestasi sekolah, pengalaman mengajar dan kehadiran kursus pembangunan profesional
- Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor prestasi sekolah, pengalaman mengajar, kehadiran kursus pembangunan profesional dan amalan pengajaran efektif guru di negeri Johor

Hipotesis tersebut dapat diperincikan dengan lebih sistematik seperti yang berikut:

- Ho1<sub>1</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min amalan perancangan pengajaran bagi guru yang dari sekolah prestasi tinggi dan prestasi rendah.
- Ho1<sub>2</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min amalan pengurusan kelas bagi guru yang dari sekolah prestasi tinggi dan prestasi rendah.

- Ho13: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min amalan strategi pengajaran bagi guru yang dari sekolah prestasi tinggi dan prestasi rendah.
- Ho14: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min amalan atribut bagi guru yang dari sekolah prestasi tinggi dan prestasi rendah.
- Ho15: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min amalan tanggungjawab profesional bagi guru yang dari sekolah prestasi tinggi dan prestasi rendah.
- Ho16: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min amalan perancangan pengajaran bagi guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada 3 tahun, 3 hingga 5 tahun, 6 hingga 10 tahun, 11 hingga 15 tahun, 16 hingga 20 tahun dan 20 tahun ke atas.
- Ho17: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min amalan pengurusan kelas bagi guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada 3 tahun, 3 hingga 5 tahun, 6 hingga 10 tahun, 11 hingga 15 tahun, 16 hingga 20 tahun dan 20 tahun ke atas.
- Ho18: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min amalan strategi pengajaran bagi guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada 3 tahun, 3 hingga 5 tahun, 6 hingga 10 tahun, 11 hingga 15 tahun, 16 hingga 20 tahun dan 20 tahun ke atas.
- Ho19: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min amalan atribut bagi guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada 3 tahun, 3 hingga 5 tahun, 6 hingga 10 tahun, 11 hingga 15 tahun, 16 hingga 20 tahun dan 20 tahun ke atas.
- Ho110: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min amalan tanggungjawab profesional bagi guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada 3 tahun, 3 hingga 5 tahun, 6 hingga 10 tahun, 11 hingga 15 tahun, 16 hingga 20 tahun dan 20 tahun ke atas.
- Ho111: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min amalan perancangan pengajaran bagi guru yang menghadiri kursus 0 kali, 1 kali, 2 kali, 3 kali dan 4 kali ke atas

- Ho112: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min amalan pengurusan kelas bagi guru yang menghadiri kursus 0 kali, 1 kali, 2 kali, 3 kali dan 4 kali ke atas
- Ho113: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min amalan strategi pengajaran bagi guru yang menghadiri kursus 0 kali, 1 kali, 2 kali, 3 kali dan 4 kali ke atas
- Ho114: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min amalan atribut bagi guru yang menghadiri kursus 0 kali, 1 kali, 2 kali, 3 kali dan 4 kali ke atas
- Ho115: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min amalan tanggungjawab profesional bagi guru yang menghadiri kursus 0 kali, 1 kali, 2 kali, 3 kali dan 4 kali ke atas
- 
- Ho21: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara komponen dalam latar belakang guru dengan amalan perancangan pengajaran mereka
- Ho22: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara komponen dalam latar belakang guru dengan pengurusan kelas mereka
- Ho23: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara komponen dalam latar belakang guru dengan amalan strategi pengajaran mereka
- Ho24: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara komponen dalam latar belakang guru dengan amalan atribut mereka
- Ho25: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara komponen dalam latar belakang guru dengan amalan tanggungjawab profesional mereka
- Ho26: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara komponen dalam latar belakang guru dengan amalan pengajaran efektif mereka
- 
- Ho27: Tidak terdapat sumbangan yang signifikan antara komponen dalam latar belakang guru terhadap varians amalan perancangan pengajaran mereka
- Ho28: Tidak terdapat sumbangan yang signifikan antara komponen dalam latar belakang guru terhadap varians amalan pengurusan kelas mereka
- Ho29: Tidak terdapat sumbangan yang signifikan antara komponen dalam latar belakang guru terhadap varians amalan strategi pengajaran mereka

Ho2<sub>10</sub>: Tidak terdapat sumbangan yang signifikan antara komponen dalam latar belakang guru terhadap varians amalan atribut mereka

Ho2<sub>11</sub>: Tidak terdapat sumbangan yang signifikan antara komponen dalam latar belakang guru terhadap varians amalan tanggungjawab profesional mereka

Ho2<sub>12</sub>: Tidak terdapat sumbangan yang signifikan antara komponen dalam latar belakang guru terhadap varians amalan pengajaran efektif mereka

## **1.7 Rasional Kajian**

Kajian ini akan menentukan amalan pengajaran efektif guru di sepuluh buah sekolah menengah kebangsaan harian biasa iaitu 5 buah sekolah ranking teratas dan 5 buah sekolah ranking terbawah berdasarkan skor komposit di negeri Johor. Ini disebabkan menentukan amalan pengajaran adalah penting kerana barisan guru merupakan orang yang berada di garisan paling hadapan serta berjuang secara bersendirian dalam sesebuah kelas yang terdiri daripada hampir 40 orang pelajar. Amalan pengajaran guru mesti betul serta efektif kerana proses ini mempunyai pengaruh yang amat besar. Proses ini dititikberatkan dari perancangan pengajaran sehingga tanggungjawab profesional yang di luar sempadan kelas tersebut. Begitu pentingnya peranan seseorang guru dalam amalan pengajaran. Justeru, amalan pengajaran guru mesti efektif dalam proses pembentukan modal insan yang berdaya saing antarabangsa untuk masa depan.

Dengan itu, dapatan kajian ini dapat membekalkan ruang kepada para guru serta warga sekolah memperkasa minda terhadap pengajaran efektif. Selain itu, dapatan kajian ini juga dapat dijadikan sebagai satu 'road map' untuk membawa para guru ke arah kemantapan dan kecemerlangan yang selanjutnya. Bagi kumpulan guru yang baru mengajar, ia dapat dijadikan satu titik tolak asalan yang jelas untuk ditujui. Bagi kumpulan guru yang telah mengajar beberapa tahun dan dikatakan berpengalaman, ia membolehkan guru memperkasa dan meningkatkan lagi pengajaran efektif mereka. Untuk kumpulan guru veteran pula, ia membolehkan para guru membuat refleksi, berkongsi serta memecutkan lagi pengajaran efektif guru dalam hidup mengajar mereka sebagai guru yang efektif .

Dalam kajian ini, elemen prestasi sekolah yang berasaskan skor komposit turut dikaji untuk mengesan pengaruh pembolehubah ini pada amalan guru dalam pengajaran efektif. Jika guru di sekolah prestasi rendah bukanlah tidak efektif seperti yang diandaikan, maka guru dan warga sekolah dapat mengesan halangan-halangan yang membantut peningkatan prestasi sekolah tersebut dan seterusnya dapat membawa sekolah tersebut ke landasan yang menuju kejayaan. Pengalaman mengajar dan kehadiran kursus dikaji kerana merupakan elemen yang berkait rapat dengan amalan pengajaran efektif guru. Aspek pengalaman mengajar dipilih kerana jika guru yang lebih berpengalaman mempunyai amalan pengajaran efektif yang lebih tinggi berbanding guru yang kurang berpengalaman atau sebaliknya, maka pihak sekolah mungkin dapat merancang corak pengajaran yang menggabungkan tenaga pengajar dalam kelas mahupun menguatkan lagi pasukan tenaga pengajar melalui 'mentoring' dalam pengajaran efektif. Bagi faktor kehadiran kursus pula, dapatan kajian ini dapat memberi gambaran kepada pihak sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) mahupun Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sama ada kehadiran kursus dapat memberi implikasi pada amalan guru dalam pengajaran efektif. Dengan itu, corak dan jenis pembangunan profesional yang bersesuaian dapat diorganisasikan dengan berkesan.

Selain itu, kajian ini berhasrat untuk mengesan faktor di luar kawalan, iaitu yang tidak dapat dikawal oleh guru yang mungkin disebabkan oleh status sosioekonomi keluarga, saiz kelas yang besar dan juga masalah disiplin pelajar yang mempengaruhi amalan pengajaran efektif guru. Seterusnya, kajian ini juga akan mencadangkan pembangunan profesional yang diperlukan dalam pengajaran untuk membawa guru ke arah amalan pengajaran efektif yang lebih cemerlang. Antaranya diharapkan program 'mentoring' melalui sumbangan guru berpengalaman dapat menyediakan trek yang terarah dalam pengajaran efektif di samping dengan penggunaan ICT yang dapat meningkatkan keefektifan pengajaran guru.

Kajian ini diharapkan dapat memberi pedoman kepada guru dan pihak pengurusan pendidikan untuk meningkatkan dan melonjakkan pengajaran efektif. Dalam kajian Darling-Hammond (2000) yang menyatakan bahawa indikator yang

menentukan seseorang pelajar belajar bukanlah sekolah tersebut tetapi adalah guru yang ada di sekolah tersebut. Justeru itu, guru mempunyai tanggungjawab yang amat tinggi untuk mengajar dengan efektif. Ini disebabkan pelajar memerlukan guru yang efektif dalam pengajaran. Semua pelajar layak dan patut memperoleh guru yang efektif untuk mengajar mereka.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Kajian-kajian yang lepas mengenai pengajaran efektif banyak tertumpu mengenai konsep, pendekatan, pengukuran dan strategi dalam pengajaran efektif (Danielson, 1996; Darling-Hammond, 2000, 2005, 2011; Marzano et al., 2001; Stronge, 2003, 2007). Kajian ini pula mengkaji dan menyumbang pada amalan pengajaran efektif yang masih mempunyai jurang dalam dunia ilmu pendidikan. Walaupun guru mempunyai ilmu pendidikan ikhtisas, namun adakah mereka mengamalkan dalam pengajaran mereka selepas mereka telah tamat dan lama tamat pengajian dari IPTA atau Institut Perguruan? Atau sebaliknya walaupun sudah lama mengajar, namun semangat dan komitmen dalam pengajaran efektif tetap tidak berubah dan akan dibawa ke tahap yang lebih tinggi lagi? Semua ini merupakan aspek yang dapat ditinjau dengan terperinci untuk menyumbang dalam dunia ilmu pendidikan.

Selain itu, halangan-halangan di luar kawalan yang guru hadapi tetapi seringkali diabaikan dalam pengajaran guru turut dapat dikesan. Cara-cara penyelesaian dapat diusahakan untuk membantu guru lebih memantapkan lagi pengajaran serta menuju ke arah yang lebih efektif. Cadangan pembangunan profesional yang bermakna dan konstruktif dapat diorganisasikan untuk membawa para guru ke tahap zon proximal perkembangan yang berpotensi. Selain itu, juga diharapkan gabungan model Charlotte Danielson dan James H. Stronge yang lebih komprehensif dapat menyumbang ilmu baru serta mengisi jurang pada arena pengajaran efektif.

Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi rujukan kepada pihak sekolah, PPD, JPNJ mahupun KPM untuk memperoleh satu gambaran yang holistik terhadap pengajaran efektif di negeri Johor. Dapatan dan informasi baru dapat diperoleh untuk menyusun alternatif yang terbaik dalam meningkatkan pengajaran efektif guru. Selain itu, dari kajian ini turut dapat memperoleh dan mengesan halangan-halangan lain di luar kawalan guru. Dengan itu, cara penyelesaian dapat diadakan untuk meningkatkan prestasi pelajar mahupun sekolah ke arah yang lebih cemerlang. Dengan itu, pihak pentadbir atasan mampu mengoperasikan alternatif yang paling sesuai berasaskan acuan dalam konteks sekolah mahupun pejabat daerah, jabatan atau kementerian untuk meningkatkan lagi pengajaran efektif guru.


Pihak guru juga boleh menggunakan gabungan model Charlotte Danielson (2007) dan model James H. Stronge (2007) untuk membentuk borang penilaian sendiri terhadap amalan pengajaran efektif guru. Kelebihan dan kekurangan guru pada setiap konstruk dapat digambarkan dengan jelas. Akhirnya, diharapkan pembangunan profesional berbeza yang dicadangkan dapat membangkit dan membangunkan potensi individu para guru dalam pendidikan. 'One size doesn't fit all' (Tomlinson, 2005), iaitu guru tidak boleh menggunakan cara yang sama sahaja untuk mengajar semua pelajar kita. Yang penting sekali, guru juga dapat membina ('construct') amalan pada tahap masing-masing yang walaupun berbeza tetapi dapat ke arah yang lebih cemerlang.

## **1.9 Kerangka Teori Dan Kerangka Konsep Kajian**

Kerangka teori kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah bertujuan untuk menjelaskan beberapa faktor yang mempengaruhi amalan pengajaran efektif guru di negeri Johor dan seterusnya pembangunan profesional yang diperlukan dicadangkan untuk meningkatkan lagi pengajaran efektif guru. Kerangka teori kajian yang digunakan ini (Rajah 1.1) adalah merupakan gabungan model *Framework For Teaching* Charlotte Danielson (2007) dan Model *Effective Teaching* James H. Stronge (2007) yang berasaskan Teori Konstruktivisme. Terdapat 5 konstruk dalam



amalan pengajaran efektif, iaitu perancangan pengajaran, pengurusan kelas, strategi pengajaran, atribut guru dan tanggungjawab profesional.



**Rajah 1.1** : Kerangka Teori Kajian

Teori Konstruktivisme mementingkan pembinaan (*construct*) ilmu secara berterusan dalam pengajaran. Ia juga sebagai satu usaha untuk mencarikan makna dalam pendidikan (Muijs dan Reynolds, 2005). Ini juga bermaksud ilmu dapat diperoleh melalui usaha berinteraksi antara warga pendidikan serta masyarakat sosial, dan bukannya tersisih secara berasingan. Justeru, Danielson (2007) menerangkan bahawa guru memerlukan satu ‘framework’ yang bukan sahaja merupakan satu penjelasan untuk amalkan, namun ia juga dimanfaatkan untuk mendefinisikan apa


yang perlu guru mengetahui serta mampu melaksanakannya dalam profesion perguruan. Oleh sebab pengajaran merupakan satu tugas yang sangat kompleks, maka adalah perlu mempunyai satu 'road map' yang konstruktif untuk lebih memahami pengajaran. Dengan itu, empat domain utama yang meliputi perancangan pengajaran, pengurusan kelas, strategi pengajaran dan tanggungjawab profesional telah dikemukakan dalam model Charlotte Danielson (2007).

Dalam empat domain utama amalan pengajaran efektif tersebut meliputi lagi 22 komponen yang penting didalamnya. Ia adalah lebih komprehensif dan lengkap berbanding model Charlotte Danielson tahun 1996. Ini disebabkan aspek seperti pentaksiran pelajar, hasil pembelajaran dan komuniti profesional telah mula dimasukkan dalam model Charlotte Danielson (2007). Semua aspek ini merupakan aspek yang dititikberatkan dalam pendidikan abad ke-21.

Selain itu, satu model lagi yang akan diaplikasikan dalam kerangka teori kajian ini, iaitu model James H. Stronge (2007). Model ini meliputi lima domain utama, iaitu atribut guru, perancangan pengajaran, pengurusan kelas, strategi pengajaran dan mentaksir progres pelajar. Keempat-empat konstruk adalah sama dan mirip pada domain yang sedia ada pada Model Charlotte Danielson (2007). Namun, konstruk atribut guru yang mempunyai peranan penting belum wujud dalam model Charlotte Danielson. Justeru itu, penyelidik berhasrat untuk menggabungkan konstruk atribut guru dengan empat konstruk yang lain untuk menjadikan model pengajaran efektif lebih sempurna lagi. Diharapkan kombinasi model ini dapat menyumbang pada dunia pendidikan di Malaysia.

Dalam kerangka konsep kajian (Rajah 1.2) pula terdapat empat pembolehubah utama dalam kajian ini, iaitu Latar Belakang Guru di Negeri Johor, Amalan Pengajaran Efektif, Halangan Di Luar Kawalan Guru dan Pembangunan Profesional. Keempat-empat pembolehubah ini saling berkait antara satu sama lain. Pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar jelas kelihatan dalam kerangka konsep ini.

Di samping itu, kajian ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama, iaitu bahagian kuantitatif dan bahagian kualitatif. Bahagian kuantitatif ialah bertujuan untuk menentukan amalan pengajaran efektif. Maka, pembolehubah bersandar ialah amalan pengajaran efektif yang berasaskan 5 konstruk utama, iaitu perancangan pengajaran, pengurusan kelas, strategi pengajaran, atribut guru dan tanggungjawab profesional. Pembolehubah bebas pula ialah latar belakang guru, iaitu prestasi sekolah, pengalaman mengajar dan kehadiran kursus. Bahagian kualitatif pula bertujuan untuk mengesan halangan di luar kawalan guru dan cadangan pembangunan profesional untuk meningkatkan lagi amalan pengajaran efektif guru di negeri Johor.



**Rajah 1.2:** Kerangka Konsep Kajian

### 1.10 Batasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menentukan amalan pengajaran efektif, faktor-faktor yang mempengaruhinya, halangan di luar kawalan yang guru hadapi dalam pengajaran efektif serta pembangunan profesional yang akan dicadangkan. Responden atau kumpulan sasaran dalam kajian ini ialah guru dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5 di sepuluh buah sekolah menengah kebangsaan harian biasa (5 buah sekolah ranking teratas dan 5 buah sekolah ranking terbawah) di negeri Johor berdasarkan skor komposit. Data skor komposit tersebut diperoleh daripada Sektor Jaminan Kualiti JPNJ pada awal tahun 2013. Guru dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5 dipilih kerana semua guru dalam tingkatan tersebut menyumbang terhadap pengiraan skor komposit yang melibatkan GPS peperiksaan umum PMR dan SPM di sekolah tersebut. Namun, kajian ini hanya memfokus pada sampel guru di sepuluh buah sekolah sahaja.

Di samping itu, walaupun prestasi sekolah terdiri daripada band 1 hingga band 7, namun sekolah menengah di negeri Johor hanya berada dari band 1 hingga band 5 sahaja. Tiada sekolah yang berada pada band 6 dan 7 di negeri Johor. Yang paling penting ialah dalam kajian ini hanya fokus pada sekolah menengah harian sahaja yang terdiri daripada band 4 dan band 5 sahaja. Keadaan ini disebabkan dua buah sekolah harian biasa yang berada pada band 3 merupakan sekolah 'single-ed' yang tidak terlibat dalam kajian ini, iaitu sekolah yang hanya mempunyai pelajar perempuan sahaja. Sedangkan kajian ini melibatkan sekolah 'co-ed', iaitu sekolah yang mempunyai pelajar lelaki dan juga pelajar perempuan untuk meminimumkan bias dalam kajian ini. Di samping itu, sekolah band 1 dan band 2 adalah merupakan sekolah kluster kecemerlangan dan sekolah berprestasi tinggi di negeri Johor. Justeru, kajian ini memfokus pada sekolah menengah harian biasa yang terdiri daripada lima ranking teratas dan lima ranking terbawah dalam kalangan sekolah band 4 hingga band 5. Selain itu, kajian ini juga berhasrat untuk mengkaji dan menyumbang kepada sekolah menengah kebangsaan harian biasa yang mempunyai nisbah sekolah band 5 yang sangat tinggi, iaitu sebanyak 113 buah sekolah daripada jumlah 243 buah sekolah menengah di negeri Johor (rujuk jadual 1.2 dalam ms.10).

Oleh sebab kajian ini meliputi bahagian kualitatif, iaitu soal selidik separa berstruktur yang memerlukan analisis pengekodan dan tema, maka kekangan masa dipertimbangkan. Maka, seramai 322 orang sampel minimum terlibat dalam kajian ini (mengikut pengiraan Krejcie dan Morgan, 1970 ) berbanding 842 orang populasi kajian. Di samping itu, dalam kajian ini diharapkan para guru dapat memberi jawapan yang ikhlas dalam menjawab soal selidik. Ini disebabkan soal selidik tersebut melibatkan soalan yang bertujuan untuk mengenalpasti amalan pengajaran efektif guru di sekolah. Di samping itu, kajian ini juga melibatkan band sekolah yang berbeza, iaitu ranking teratas dan ranking terbawah dalam kategori sekolah menengah harian biasa. Maka, diharapkan kesensitifan guru dapat diturunkan ke tahap minimum dalam menjawab instrumen kajian ini. Tambahan pula, waktu mengajar yang agak penuh dan beban sekolah yang berat juga mempengaruhi responden dalam menjawab soal selidik ini. Selain itu, kemampuan individu memahami dan mentafsir bahasa spesifik dalam borang soal selidik juga akan mempengaruhi dapatan kajian yang diperolehi. Namun, penyelidik akan cuba menerangkan bahasa spesifik tersebut pada para responden untuk memudahkan mereka menjawab.

## **1.11 Definisi Operasional**

Istilah dan definisi yang digunakan dalam kajian ini diuraikan mengikut keperluan kajian berikut:

### **1.11.1 'Framework for Teaching'**

'Framework' ini merujuk kepada Model *Framework For Teaching* Charlotte Danielson yang mempunyai definisi serta tanggungjawab guru yang telah dikategorikan kepada 4 domain utama (Danielson, 2007). Dalam kajian ini, penyelidik menggabungkan konstruk atribut guru dari model James H Stronge (2007). Maka ada sejumlah 5 konstruk untuk kegunaan kajian ini.

### **1.11.2 Konstruk**

Dalam kajian ini, istilah konstruk menggantikan ‘domain’ yang merupakan segmen pada ‘Framework For Teaching’. Kajian ini mempunyai 5 konstruk utama. Konstruk 1 ialah perancangan pengajaran, Konstruk 2 ialah pengurusan kelas, Konstruk 3 ialah strategi pengajaran dan Konstruk 4 ialah atribut guru dan diikuti Konstruk 5 iaitu tanggungjawab profesional ( Danielson, 2007; Stronge, 2007).

#### **1.11.2.1 Konstruk Perancangan Pengajaran**

Konstruk perancangan pengajaran meliputi aspek bagaimana seseorang guru mengorganisasikan kandungan mata pelajaran untuk pelajar mempelajarinya. Konstruk ini dimulakan dengan guru harus memiliki pengetahuan kandungan mata pelajaran dan pedagogi serta pengetahuan mengenai pelajar mereka. Namun, konstruk ini harus dilengkapi lagi dengan menentukan hasil pembelajaran yang mampu dicapai oleh pelajar dan juga berpengetahuan dalam bahan sumber yang masih boleh digunakan. Konstruk ini juga mementingkan pengajaran koheren, pentaksiran pelajar, perancangan masa dan ekspektasi guru dalam pengajaran efektif ( Danielson, 2007; Stronge, 2007).

#### **1.11.2.2 Konstruk Pengurusan Kelas**

Konstruk pengurusan kelas menyediakan pentas diperlukan untuk guru mengajar dan pelajar belajar. Konstruk ini membentuk suasana yang saling menghormati serta selamat untuk pembelajaran dan pengajaran. Di samping itu, pengurusan guru terhadap peraturan kelas dan disiplin pelajar turut dititikberatkan dalam konstruk ini (Danielson, 2007; Stronge, 2007).

### **1.11.2.3 Konstruk Strategi Pengajaran**

Konstruk ini meliputi strategi pengajaran yang menggalakkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran dan pengajaran. Ia dikatakan sebagai konstruk yang mengimplementasikan perancangan pengajaran. Strategi pengajaran seperti teknik menyoal, perbincangan dan menggalakkan pemikiran beraras tinggi digunakan ( Danielson, 2007; Stronge, 2007).

### **1.11.2.4 Konstruk Atribut Guru**

Konstruk atribut guru dalam kajian diambil terus dari model 'Effective Teaching' James H. Stronge (2007). Keadaan ini disebabkan atribut guru merupakan satu aspek yang amat diperlukan dalam amalan pengajaran efektif guru untuk menyempurnakan lagi kajian ini. Konstruk ini meliputi kasih sayang, adil, bersemangat tinggi dan memberi motivasi (Stronge, 2007).

### **1.11.2.5 Konstruk Tanggungjawab Profesional**

Konstruk tanggungjawab profesional berkait rapat dengan penghasilan seorang pendidik yang betul profesional. Konstruk ini melibatkan komuniti profesional dan juga keluarga pelajar yang berperanan dalam pengajaran efektif. Dengan itu, konstruk ini dikatakan meliputi komitmen serta profesionalisme guru dalam peningkatan amalan pengajaran efektif mereka (Danielson, 2007).

### **1.11.3 Amalan Pengajaran Efektif**

Amalan pengajaran efektif adalah satu set kompleks yang meliputi ilmu, keupayaan dan atribut personel yang dinamik. Amalan ini melibatkan refleksi dan pembangunan profesional yang berterusan serta tanggungjawab profesional guru

yang perlu dititikberatkan dalam melaksanakan pengajaran efektif guru. (Davey, 1991; Harris, A., 1998; Danielson, 2007; Stronge, 2007).

#### **1.11.4 Guru Sekolah Menengah Di negeri Johor**

